
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

ZGT 266/3 - Geofizik Bumi Pepejal I


Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua **EMPAT** soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. (a) Tuliskan karangan tentang model pulihan kenyal bagi gempabumi. (60/100)
- (b) Lukiskan lintasan bagi sinar-sinar seismik yang berikut, (20/100)
- (i) ScP
 - (ii) sSS
 - (iii) PKJKP
 - (iv) SKiKS
- (c) Bagi sinar datang dan jenis bahantara dalam Rajah 1, lukiskan semua sinar pantulan dan pembiasan yang mungkin dihasilkan. (20/100)



Rajah 1.

(20/100)

2. (a) Dengan menggunakan Hukum Snell bagi model Bumi yang terdiri daripada petala-petala sfera yang sepusat,

$$p = \frac{r \sin i}{v}$$

buktikan persamaan Herglotz-Wiechert


$$\frac{\Delta}{2} = p \int_{r_i}^{r_0} r^{-1} (\eta^2 - p^2)^{-0.5} dr$$

(30/100)

...3/-

2. (b) Rajah 2 menunjukkan perubahan halaju gelombang P dan S di pendalaman (interior) Bumi. Huraikan ciri-ciri fizikal dan kandungan mineral di setiap bahagian utama Bumi.

(70/100)



Rajah 2.

3. Tuliskan karangan tentang

(a) keadah-kaedah untuk menentukan lokasi, kedalaman dan magnitud gempabumi.

(60/100)

(b) sejarah terma Bumi, termasuk pembentukan teras Bumi.

(40/100)

4. (a) Tuliskan karangan tentang kaedah K-Ar bagi penentuan umur batu-batan. Karangan anda patut merangkumi semua elemen dan proses reputan radioaktif yang terlibat, jenis-jenis batu dan mineral yang boleh diumurkan, kaedah ukuran dan kiraan umur, dan masalah-masalah yang dihadapi dengan keadah ini.

(70/100)

...4/-

4. (b) Jadual 4 di bawah memberikan nisbah isotop $\left(\frac{\text{Rb}^{87}}{\text{Sr}^{86}}\right)$ dan $\left(\frac{\text{Sr}^{87}}{\text{Sr}^{86}}\right)$ bagi sampel-sampel batu daripada kawasan Round Lake Batholith. Tentukan umur dan nisbah $\left(\frac{\text{Sr}^{87}}{\text{Sr}^{86}}\right)$ awal bagi batolit ini. Apakah kesimpulan yang anda boleh buat tentang punca magma bagi batolit ini? (Setengah hayat $\text{Rb}^{87} = 4.88 \times 10^{10}$ tahun).

(30/100)

Jadual 4

Nisbah $\left(\frac{\text{Rb}^{87}}{\text{Sr}^{86}}\right)$	Nisbah $\left(\frac{\text{Sr}^{87}}{\text{Sr}^{86}}\right)$
0.184	0.7058
0.243	0.7093
0.399	0.7157
1.555	0.7530
1.691	0.7562

- 000 O 000 -